

## PRESTASI PERDAGANGAN MALAYSIA, OGOS 2022

Jumlah perdagangan Malaysia terus mencatatkan pertumbuhan ketara pada Ogos 2022, meningkat 56.7 peratus kepada RM265.7 bilion berbanding RM169.6 bilion pada tahun sebelumnya. Eksport berkembang 48.2 peratus kepada RM141.3 bilion pada Ogos 2022. Import bernilai RM124.4 bilion meningkat 67.6 peratus, tahun ke tahun. Imbangan perdagangan terus mencatat lebihan, dengan nilai RM16.9 bilion, walau bagaimanapun, merosot 19.9 peratus tahun ke tahun.

Berbanding Julai 2022, jumlah dagangan, eksport, import dan imbangan dagangan masing-masing meningkat 5.2 peratus, 5.4 peratus, 5.0 peratus dan 8.6 peratus.

Bagi tempoh Januari hingga Ogos 2022, jumlah dagangan meningkat 33.1 peratus, disokong oleh peningkatan eksport (+30.3%) begitu juga import (+36.7%), manakala lebihan dagangan meningkat 3.7 peratus.


### A. EKSPORT

#### Eksport melebihi paras RM1 trillion untuk tempoh Januari hingga Ogos 2022


##### 1. Prestasi Eksport

Eksport Malaysia mencatatkan RM141.3 bilion, meningkat 48.2 peratus berbanding Ogos 2021. Peningkatan ini didorong oleh kedua-dua eksport domestik dan eksport semula. Eksport semula mencatatkan peningkatan ketara 112.5 peratus tahun ke tahun kepada RM34.9 bilion, mewakili 24.7 peratus kepada jumlah eksport. Pada masa yang sama, eksport domestik berjumlah RM106.5 bilion dan menyumbang 75.3 peratus kepada jumlah eksport, meningkat 34.8 peratus. Sementara itu, perbandingan secara bulanan, eksport berkembang 5.4 peratus atau RM7.3 bilion. Analisis terma pelarasan musim bulan ke bulan, eksport meningkat 12.4 peratus atau RM16.2 bilion kepada RM147.4 bilion.

**Carta 1 Eksport Domestik, Eksport Semula (RM bilion) dan Perubahan Tahunan (%)**



**Carta 2 Nilai Eksport Asal dan Nilai Eksport Pelarasan Musim, RM bilion**



## 2. Prestasi Eksport mengikut Negara Destinasi Utama


Singapura dan China adalah negara destinasi utama pada Ogos 2022 dengan jumlah sumbangan 27.8 peratus kepada jumlah eksport Malaysia.

Eksport ke Singapura dengan jumlah RM20.8 bilion, mewakili 14.7 peratus daripada jumlah eksport, mencatatkan peningkatan 54.5 peratus atau RM7.4 bilion tahun ke tahun. Peningkatan ini didorong oleh eksport yang lebih tinggi bagi barang elektrik & elektronik (+RM3.4 bilion, +52.0%); keluaran petroleum (+RM2.3 bilion, +130.0%); dan jentera, peralatan & kelengkapan (+RM364.7 juta, +37.6%).

China merupakan negara destinasi kedua tertinggi pada Ogos 2022, bernilai RM18.5 bilion dan menyumbang 13.1 peratus kepada jumlah eksport Malaysia, meningkat 21.3 peratus atau RM3.2 bilion tahun ke tahun. Peningkatan ini dipacu oleh eksport yang lebih tinggi bagi barang elektrik & elektronik (+RM2.1 bilion, +46.6%); dan alat muzik, alat ganti & aksesori dan fonograf (+RM1.5 bilion, +226.2%).

Prestasi kukuh eksport pada Ogos 2022 dipaparkan oleh pertumbuhan eksport yang ketara ke semua negara destinasi utama.

**Carta 3 Perubahan Tahunan Eksport mengikut Negara Utama, Ogos 2021 dan Ogos 2022**




### 3. Eksport ke Negara-negara ASEAN

Eksport ke negara ASEAN yang meliputi 29.7 peratus daripada jumlah eksport Malaysia mencatatkan nilai RM42.0 bilion dengan pertumbuhan 60.4 peratus. Kenaikan ini disumbangkan terutamanya oleh keluaran petroleum yang meningkat 165.5 peratus atau RM6.3 bilion, diikuti oleh barang elektrik & elektronik (+RM4.8 bilion, +50.4%); barang besi dan keluli (+RM866.9 juta, +183.0%); peroleum mentah (+RM853.0 juta, +221.3%); jentera, peralatan & kelengkapan (+RM631.3 juta, +41.1%) dan peralatan optik & saintifik (+RM454.7 juta, +52.6%).

Singapura menyumbang 49.6 peratus kepada keseluruhan eksport ke negara ASEAN dengan RM20.8 bilion, berkembang 54.5 peratus berbanding tahun sebelumnya.

**Carta 4 | Pembahagian Peratusan Eksport, Ogos 2022**



### 4. Prestasi Eksport mengikut Sektor Ekonomi

Eksport barang perkilangan meningkat 47.7 peratus atau RM38.6 bilion pada Ogos 2022, meliputi 84.5 peratus daripada jumlah eksport. Penyumbang utama kepada pertumbuhan merupakan barang elektrik & elektronik (+RM16.6 bilion, +48.5%), diikuti keluaran petroleum (+RM13.0 bilion, +180.3%); peralatan optik & saintifik (+RM1.8 bilion, +51.3%); jentera, peralatan & kelengkapan (+RM1.7 bilion, +43.6%); dan kimia & bahan kimia (+RM885.2 juta, +15.3%).

Sementara itu, eksport hasil perlombongan yang mewakili 7.6 peratus daripada jumlah eksport mencatatkan pertumbuhan 59.1 peratus kepada RM10.8 bilion. Pertumbuhan ini didorong oleh eksport yang lebih tinggi bagi gas asli cecair (+RM2.6 bilion, +72.9%); dan petroleum mentah (+RM1.6 bilion, +107.6%).

Eksport keluaran pertanian mencatatkan pertumbuhan 42.6 peratus atau RM3.1 bilion menyumbang 7.4 peratus pada Ogos 2022. Peningkatan ini sejajar dengan kenaikan yang tinggi dalam eksport minyak kelapa sawit & hasil pertanian berasaskan minyak kelapa sawit, meningkat 47.9 peratus daripada RM5.5 bilion kepada RM8.2 bilion. Selain itu, prestasi ini turut dirangsang oleh minyak sayuran lain (+RM123.8 juta, +48.5%); kayu gergaji & kayu kumai (+RM114.1 juta, +56.2%) dan makanan laut, segar, sejuk atau beku (+RM78.8 juta, +42.8%).

## Paparan 1 | Eksport mengikut Sektor, Ogos 2021 dan Ogos 2022



## 5. Eksport mengikut Produk Utama Terpilih

Peningkatan kukuh eksport pada Ogos 2022 adalah dipengaruhi oleh pertumbuhan positif produk berikut:

- Barangan elektrik & elektronik (36.0% daripada jumlah eksport), berkembang 48.5 peratus (+RM16.6 bilion) kepada RM50.9 bilion;
- Keluaran petroleum bertapis, yang menyumbang 13.6 peratus kepada jumlah eksport, melonjak RM12.8 bilion atau 195.8 peratus kepada RM19.3 bilion sejajar dengan peningkatan dalam volum eksport (+100.1%) serta nilai purata seunit (+47.8%);
- Minyak kelapa sawit & hasil keluaran berasaskan minyak kelapa sawit (8.2% daripada jumlah eksport) meningkat RM3.3 bilion (+39.7%) kepada RM11.6 bilion. Eksport minyak sawit, komoditi utama dalam kumpulan produk ini meningkat RM2.6 bilion atau 57.7 peratus seiring dengan kenaikan volum eksport (+27.8%) dan nilai purata seunit (+23.3%);
- Gas asli cecair, mencakupi 4.4 peratus daripada jumlah eksport, meningkat RM2.6 bilion atau 72.9 peratus selaras dengan pertumbuhan nilai purata seunit (+55.1%) dan volum eksport (+11.5%);
- Petroleum mentah, meliputi 2.2 peratus daripada jumlah eksport, meningkat RM1.6 bilion atau 107.6 peratus kepada RM3.1 bilion selaras dengan peningkatan nilai purata seunit (+76.1%) dan volum eksport (+17.9%);
- Kayu & hasil keluaran kayu yang menyumbang 1.5 peratus kepada jumlah eksport meningkat 51.5 peratus atau RM713.4 juta kepada RM2.1 bilion; dan
- Getah asli (0.3% daripada jumlah eksport) berkembang RM28.2 juta atau 6.5 peratus selari dengan peningkatan dalam nilai purata seunit (+4.7%) dan volum eksport (+1.7%).

## Paparan 2 | Eksport mengikut Produk Utama Terpilih, Ogos 2021 dan Ogos 2022

Sumbangan	Barangan Elektrik & Elektronik		Minyak Kelapa Sawit & Hasil Keluaran Berasaskan Minyak Kelapa Sawit		Keluaran Petroleum Bertapis		Gas Asli Cecair		Petroleum Mentah		Kayu dan Hasil Keluaran Kayu		Getah Asli	
	RM bilion	y-o-y (%)	RM bilion	y-o-y (%)	RM bilion	y-o-y (%)	RM bilion	y-o-y (%)	RM bilion	y-o-y (%)	RM bilion	y-o-y (%)	RM bilion	y-o-y (%)
Ogos 2022	50.9	+48.5	11.6	+39.7	19.3	+195.8	6.3	+72.9	3.1	+107.6	2.1	+51.5	0.5	+6.5
Ogos 2021	34.3	+6.8	8.3	+44.7	6.5	+70.2	3.6	+115.5	1.5	-23.0	1.4	-28.5	0.4	+84.9

## B. IMPORT


**Import meningkat 67.6 peratus, pertumbuhan terpantas dengan merekodkan nilai tertinggi baharu RM124.4 bilion**

### 1. Prestasi Import

Pertumbuhan import terus mengatasi eksport pada Ogos 2022, meningkat 67.6 peratus atau RM50.2 bilion kepada RM124.4 bilion. Perbandingan bulanan, import meningkat 5.0 peratus atau RM5.9 bilion. Berdasarkan analisis terma pelarasan musim bulan ke bulan, import meningkat 5.9 peratus kepada RM122.9 bilion daripada RM116.1 bilion.

Berdasarkan tahun ke tahun, import mengikut penggunaan akhir mencatat peningkatan positif dengan kenaikan barang perantaraan (+56.1%), barang penggunaan (+43.1%) dan barang modal (+23.7%).

**Carta 5 Nilai Import (RM bilion) dan Perubahan Tahunan (%)**



**Carta 6 Nilai Import Asal dan Nilai Import Pelarasan Musim, RM bilion**



## 2. Prestasi Import mengikut Negara Asal Utama


China dan Singapura kekal sebagai dua negara asal utama bagi import Malaysia pada Ogos 2022, dengan jumlah sumbangan 30.5 peratus kepada jumlah import.

Import dari China yang mewakili 20.4 peratus daripada import Malaysia, berkembang 49.5 peratus mencecah RM25.4 bilion. Pertumbuhan ini dirangsang oleh barang elektrik & elektronik yang meningkat 35.3 peratus atau RM2.6 bilion, keluaran petroleum (+RM1.9 bilion, +517.6%); jentera, kelengkapan & peralatan (+RM1.2 bilion, +72.5%); dan kimia & bahan kimia (+RM625.1 juta, +36.0%).

Import dari Singapura bernilai RM12.6 bilion, menyumbang 10.1 peratus kepada import Malaysia, meningkat 83.3 peratus atau RM5.7 bilion tahun ke tahun. Pertumbuhan ini disumbang oleh import yang lebih tinggi bagi keluaran petroleum (+RM3.3 bilion, +158.2%); dan barang elektrik & elektronik (+RM970.4 juta, +43.9%).

Import daripada kesemua negara asal utama menunjukkan lonjakan pada Ogos 2022.

**Carta 7 Perubahan Tahunan Import mengikut Negara Asal Utama, Ogos 2021 dan Ogos 2022**




## 3. Import dari Negara-negara ASEAN

Import daripada negara ASEAN terus meningkat dengan pertumbuhan dua angka 61.9 peratus pada Ogos 2022 kepada RM28.9 bilion. Nilai ini meliputi 23.2 peratus daripada import Malaysia. Pertumbuhan ini disumbang terutamanya oleh peningkatan import keluaran petroleum (+RM4.0 bilion, +140.4%); barang elektrik & elektronik (+RM1.2 bilion, +26.6%); gas asli cecair (+RM805.9 juta, +100.0%); jentera, kelengkapan & peralatan (+RM589.8 juta, +87.0%); dan kimia & bahan kimia (+RM563.7 juta, +38.4%).

Dalam kalangan negara-negara ASEAN, 43.5 peratus import Malaysia adalah daripada Singapura, berkembang 83.3 peratus atau RM5.7 bilion berbanding tahun sebelumnya.

**Carta 8 | Pembahagian Sumbangan Import, Ogos 2022**



#### 4. Prestasi Import mengikut Sektor Ekonomi

Pengembangan import disumbangkan oleh import yang lebih tinggi bagi semua sektor utama pada Ogos 2022.

Barangan perlilangan yang merangkumi 82.8 peratus daripada jumlah import, meningkat 59.2 peratus daripada RM64.7 bilion kepada RM103.1 bilion tahun ke tahun. Prestasi ini disokong oleh import yang tinggi bagi keluaran petroleum (+RM14.7 bilion, +271.5%); barang elektrik & elektronik (+RM9.7 bilion, +38.6%); jentera, kelengkapan & peralatan (+RM3.0 bilion, +59.9%); kimia & bahan kimia (+RM2.4 bilion, +30.4%); peralatan pengangkutan (+RM2.2 bilion, +90.3%); dan barangan perlilangan logam (+RM1.1 bilion, +27.1%).

Import hasil perlombongan berjumlah RM13.0 bilion, meningkat 241.2 peratus berbanding tahun sebelumnya dan mencakupi 10.4 peratus daripada import Malaysia. Peningkatan ini disokong oleh kenaikan import petroleum mentah (+RM5.6 bilion, +583.6%); gas asli cecair (+RM1.5 bilion, +2,408.5%); dan bijih logam dan sekerap logam (+RM969.2 juta, +140.6%).

Import keluaran pertanian (5.1% daripada jumlah import) berkembang 39.1 peratus atau RM1.8 bilion tahun ke tahun kepada RM6.3 bilion, dipacu oleh peningkatan import minyak kelapa sawit & hasil pertanian berdasarkan minyak kelapa sawit (+RM246.8 juta, +29.1%); minyak sayuran lain (+RM236.0 juta, +79.1%); dan makanan laut, segar, sejuk atau beku (+RM179.4 juta, +71.7%).

#### Paparan 3 | Import mengikut Sektor, Ogos 2021 dan Ogos 2022



## 5. Import mengikut Klasifikasi Penggunaan Akhir & Kategori Ekonomi Umum (BEC)

Jumlah import pada Ogos 2022 bernilai RM124.4 bilion, meningkat 67.6 peratus tahun ke tahun. Tiga kategori utama import mengikut Penggunaan Akhir yang merangkumi 69.0 peratus daripada jumlah import adalah:

**Barangan perantaraan**, bernilai RM66.4 bilion atau 53.4 peratus daripada jumlah import, meningkat 56.1 peratus didorong oleh kenaikan import bekalan industri, diproses (+RM7.0 bilion, +41.4%); bahan api & pelincir, utama (+RM6.3 bilion, +294.1%); alat ganti & aksesori barangan modal (kecuali peralatan pengangkutan) (+RM3.4 bilion, +23.1%); bahan api & pelincir, diproses, lain-lain (+RM3.2 bilion, +187.4%); dan alat ganti & aksesori untuk alat kelengkapan pengangkutan (+RM2.2 bilion, +116.8%).

**Barangan modal**, berjumlah RM10.3 bilion (8.3% daripada jumlah import) naik 23.7 peratus, disumbangkan oleh peningkatan import barang modal (kecuali peralatan pengangkutan) (+RM1.4 bilion, +18.1%) serta kelengkapan pengangkutan, perindustrian (+RM556.5 juta, +111.1%); dan

**Barangan penggunaan**, berjumlah RM9.1 bilion (7.3% daripada jumlah import), mencatatkan pertumbuhan 43.1 peratus, disumbangkan oleh import yang lebih tinggi bagi makanan & minuman, diproses, khusus untuk penggunaan isi rumah (+RM842.1juta, +45.6%); barang tidak tahan lama (+RM749.8 juta, +46.2%); dan barang separa tahan lama (+RM536.0 juta, +52.0%).

## C. EKSPORT DAN IMPORT MENGIKUT LOKASI

Eksport pada bulan Ogos 2022 meningkat sebanyak RM46.0 bilion (+48.2%) berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Eksport lebih tinggi direkodkan bagi kebanyakan negeri iaitu Pulau Pinang (+RM17.1 bilion), Johor (+RM14.7 bilion), Selangor (+RM4.7 bilion), Sarawak (+RM4.1 bilion), W.P. Kuala Lumpur (+RM2.2 bilion), Kedah (+RM1.7 bilion), Sabah (+RM756.3 juta), Melaka (+RM733.1 juta), Negeri Sembilan (+RM318.9 juta), Kelantan (+RM259.7 juta), Pahang (+RM153.7 juta) dan Perlis (+RM60.6 juta). Walau bagaimanapun, eksport menyusut di Perak (-RM371.2 juta), Terengganu (-RM316.6 juta) dan W.P. Labuan (-RM87.8 juta).

Pada masa yang sama, import pada bulan Ogos 2022 juga meningkat RM50.2 bilion (+67.6%) berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Peningkatan import dipacu oleh import yang lebih tinggi oleh semua negeri iaitu Johor (+RM14.2 bilion), Selangor (+RM10.6 bilion), Pulau Pinang (+RM8.9 bilion), W.P. Kuala Lumpur (+RM6.6 bilion), Negeri Sembilan (+RM2.1 bilion), Melaka (+RM1.9 bilion), Kedah (+RM1.5 bilion), Sarawak (+RM920.6 juta), Pahang (+RM888.5 juta), Perak (+RM821.7 juta), Sabah (+RM538.3 juta), W.P. Labuan (+RM294.2 juta), Terengganu (+RM174.7 juta), Perlis (+RM74.5 juta) dan Kelantan (+RM26.3 juta).

Antara lima negeri pengeksport utama, Pulau Pinang kekal sebagai pengeksport utama dengan sumbangan 29.9 peratus, diikuti oleh Johor (23.4%), Selangor (17.5%), Sarawak (8.4%) dan W.P. Kuala Lumpur (5.3%). Sementara itu, bagi import, Selangor merupakan penyumbang utama dengan 25.3 peratus, diikuti oleh Johor (22.8%), Pulau Pinang (21.7%), W.P. Kuala Lumpur (9.8%) dan Kedah (4.9%).